

D294

U B390 DEB
MAHATHIR - MCA R R R

KUALA LUMPUR, 17 FEB (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA SUASANA BERBAIK MESRA ANTARA RAKYAT PELBAGAI KAUM SEMASA MENYAMBUT SESUATU PERAYAAN HENDAKLAH DIKEKALKAN SAMPAI BILA-BILA BAGI MENGURANGKAN PERASAAN PERKAUMAN.

SEMASA BERUCAP KEPADA PARA TETAMU YANG MENGUNJUNGI RUMAH TERBUKA MCA SEMPENA SAMBUTAN TAHUN BARU CINA DI IBU PEJABAT PARTI ITU DI SINI, PERDANA MENTERI MENEGASKAN BAHAWA PERPADUAN ANTARA KAUM SANGAT PENTING DEMI MENERUSKAN KESTABILAN DALAM NEGERI.

+SAYA GEMBIRA KERANA RAMAI YANG DATANG KE SINI DARIPADA PELBAGAI KAUM DAN INI SATU PETANDA BAIK BAGI NEGARA UNTUK MELIHAT SETIAP RAKYAT MENJALIN HUBUNGAN RAPAT ANTARA KAUM,+ KATANYA.

BELIAU BERHARAP KEDATANGAN TAHUN NAGA SEBAGAI TAHUN BARU BAGI MASYARAKAT CINA KALI INI AKAN MEMBAWA KEMAKMURAN DAN KEGEMBIRAAN KEPADA KAUM CINA DAN RAKYAT MALAYSIA KESELURUHANNYA.

PERDANA MENTERI JUGA MENGUCAPKAN TERIMA KASIH KEPADA RAKYAT PELBAGAI KAUM DI NEGARA INI YANG BERSATU-PADU MENYATAKAN KEINGINAN UNTUK MELIHAT NEGARA DALAM KEADAAN AMAN MAKMUR DAN KERAJAAN YANG KUKUH, SEMASA TIMBUL BEBERAPA MASALAH AKHIR-AKHIR INI. -- LAGI.

1313MST 17 02 88

U B391 AAB
MAHATHIR - MCA 2 KUALA LUMPUR R R R

PRESIDEN MCA, DATUK DR LING LIONG SIK DALAM UCAPAN ALU-ALUANNYA PULA BERHARAP TAHUN NAGA INI AKAN MEMBAWA KEMAKMURAN, KEAMANAN DAN KESTABILAN YANG LEBIH BESAR KEPADA NEGARA.

BELIAU YANG JUGA MENTERI PENGANGKUTAN BERHARAP TAHUN INI BUKAN SAHAJA MEMBAWA KEAMANAN LEBIH MANTAP TETAPI MEMPERKUKUHKAN KERJASAMA BERBILANG KAUM DALAM SISTEM BARISAN NSIONAL (BN).

+TAHUN NAGA IALAH TAHUN PENUH HARAPAN DAN BIARLAH KITA MENYAMBUTNYA DENGAN MEMBAHARUI KEAZAMAN DAN KEYAKINAN KEPADA PUCUK PIMPINAN POLITIK, KEPADA SISTEM PEMERINTAHAN, KEPADA PEMULIHAN EKONOMI DAN KEYAKINAN KEPADA MASA DEPAN MALAYSIA,+ KATANYA.

BELIAU MENYIFATKAN TAHUN LEPAS SEBAGAI TAHUN YANG PENUH DENGAN PERGOLAKAN DAN CABARAN TETAPI TAMBAHNYA, +KITA MESTI CUBA MENGATASI KECENDERUNGAN UNTUK BERPUTUS ASA.+

DATUK DR LING JUGA BERHARAP SEGALA SYAK WASANGKA DAN KESANGSIAN DAPAT DIHAPUSKAN DAN SAMA-SAMA BERUSAHA MEMPERKUKUHKAN PERPADUAN DAN KERJASAMA BAGI MENJAMIN MASA DEPAN LEBIH CERAH. -- LAGI.

1316MST 17 02 88

U 8392 AAB

MAHATHIR - MCA 3 KUALA LUMPUR R R R

+KITA JUGA AKAN TERUS BERUSAHA MEMESATKAN PERKEMBANGAN EKONOMI DAN MEWUJUDKAN BANYAK PELUANG PEKERJAAN UNTUK RAKYAT,+ KATANYA.

SEHUBUNGAN ITU, KATANYA, KEUTAMAAN HENDAKLAH DIBERI KEPADA USAHA MEMPERKETATKAN DISIPLIN DI KALANGAN RAKYAT DENGAN MENCONTOHI NEGARA JEPUN, KOREA SERTA TAIWAN YANG MENUNJUKKAN BAHAWA KEJAYAAN EKONOMI TIDAK DAPAT DIPISAHKAN DARIPADA MASYARAKAT YANG BERDISIPLIN.

MENURUTNYA, TANPA DISIPLIN MASYARAKAT AKAN KUCAR-KACIR TETAPI DENGAN DISIPLIN YANG KETAT, PRODUKTIVITI NEGARA AKAN LEBIH TINGGI.

DATUK SERI DR MAHATHIR, DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH DAN DUA ORANG ANAK MEREKA KEMUDIAN MENGUNJUNGI MAJLIS RUMAH TERBUKA PARTI GERAKAN DI HOTEL FEDERAL.

KETIBAAN PERDANA MENTERI DIBERI SAMBUTAN TARIAN NAGA DAN DISAMBUT OLEH PRESIDEN GERAKAN, DATUK DR LIM KHENG YAİK DAN TIMBALANNYA, DATUK PAUL LEONG.

ANTARA YANG TURUT HADIR DI KEDUA-DUA MAJLIS RUMAH TERBUKA ITU IALAH TIMBALAN PERDANA MENTERI, ENCIK GHAFAR BABA, BEBERAPA ORANG PEMIMPIN PARTI KOMPONEN BN TERMASUK PRESIDEN MIC DATUK S. SAMY VELLU DAN BEBERAPA ORANG MENTERI TERMASUK MENTERI KEWANGAN, DATUK PADUKA DAIM ZAINUDDIN DAN MENTERI PENDIDIKAN, ENCIK ANWAR IBRAHİM. -- BERNAMA.

1319MST 17 02 88